

10/05/2001

Seri Paduka hadir majlis santapan di Istana Arau

KANGAR, Rabu - Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Siti Aishah malam ini berangkat ke majlis santapan diraja di Istana Arau di sini.

Majlis itu diadakan sempena istiadat pertabalan Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid di sini, Isnin lalu.

Turut berangkat ke majlis santapan itu ialah sultan-sultan serta permaisuri, wakil sultan, kerabat diraja serta Yang Dipertua negeri-negeri.

Antara yang berangkat Sultan Kedah, Sultan Pahang, Sultan Perak, Sultan Kelantan, Sultan Terengganu, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Pemangku Raja Selangor, Tunku Bendahara Johor dan Pengiran Muda Mahkota Brunei Darussalam.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali. - Bernama

(END)